



← Nur Fazura
Twitter: @missfazura

Kepentingan jaga kebajikan haiwan

Chloe membebek lagi pagi tadi, entah apa yang dibebekannya pun sukar untuk Faz tentukan kerana satu tabiat Chloe ialah membebek jika sesuatu yang diingininya tidak diperoleh. Rupa-rupanya, Chloe tidak berpuas hati kerana pensil mainannya tersebut di bawah kerusi! Telatah harian Chloe dan adik-beradiknya yang lain iaitu Kourtney dan Ahmad, sememangnya sentiasa menghiburkan Faz sekeluarga.

Keluarga Faz memang sukakan kucing peliharaan dan hari-hari berlalu pasti sunyi tanpa keletah mereka bertiga yang kini berusia lebih dua tahun.

Dalam tulisan Faz kali

ini, Faz ingin mengulas sedikit mengenai isu kebajikan haiwan. Umum sedia maklum dengan keputusan mahkamah baru-baru ini terhadap dua pengusaha premis penjagaan haiwan yang dikenakan denda maksimum. Tidak perlulah Faz namakan mereka atau premis mereka itu, kerana menyebutnya saja telah mengimbau pelbagai perasaan sangat kurang senang dan rasa pahit di mulut Faz.

Mungkin bagi sesetengah orang, haiwan hanyalah haiwan dan tidak lebih daripada itu. Jika mati boleh diganti dan jika hilang boleh dicari. Tapi, cuba nyatakan pendapat sedemikian kepada pemilik kucing malang itu.

Sehubungan itu, Faz amat mengalukan keputusan

Tentu hancur luluh hati mereka apabila pulang dari musim perayaan dan mendapati haiwan kesayangan mereka terpaksa melalui pengabaian melampau sehingga ada yang mati.

Bagi Faz, amanah dan kepercayaan mereka dikhanati pengusaha premis itu. Mereka perlu tahu mengukur baju di badan sendiri, jika tidak mampu lakukan sesuatu, maka jangan ambil sesuatu tugas dan kemudian menyusahkan orang lain. Faz amat bersympati dengan semua pemilik haiwan tersebut dan Faz doakan luka di hati mereka akan sembuh dengan peredaran masa.

Sehubungan itu, Faz amat mengalukan keputusan

"
KEAGUNGAN SESUATU BANGSA DAN KEMAJUAN AKHLAKNYA BOLEH DINI-LAI DARIPADA LAYANAN DIBERIKAN TERHADAP HAIWANNYA"



Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani untuk merealisasikan pindaan kepada Akta Haiwan 1953 supaya hukuman lebih berat boleh dikenakan kepada pesalah serta penubuhan suatu majlis penasihat di peringkat kebangsaan yang dianggotai pelbagai NGO di Malaysia dalam menjaga kebajikan haiwan. Ini perkembangan positif dan Faz percaya pihak kera-

jaan terus komited berhubung isu ini. Faz memetik kata-kata Gandhi, iaitu keagungan sesuatu bangsa dan kemajuan akhlaknya boleh dinilai daripada layanan diberikan terhadap haiwan. Memberi didikan dan kesedaran kepada masyarakat mengenai kepentingan belas kasihan terhadap haiwan juga penting kerana mencegah lebih baik daripada merawat.